

07/03/1999

BN yakin bentuk kerajaan sendirian (HL)

Manja Ismail; Ahmad Zaini Kamaruzzaman

KOTA KINABALU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) dapat membentuk kerajaan negeri tanpa kerjasama parti pembangkang, selepas pilihan raya negeri pada 12 dan 13 Mac ini.

Keyakinan itu berdasarkan perbezaan ketara sambutan rakyat terhadap BN dalam beberapa majlis yang dihadirinya berbanding pada pilihan raya negeri 1994.

Perdana Menteri berkata, rakyat Sabah, yang kebanyakannya menyokong Parti Bersatu Sabah (PBS) pada 1994, kini lebih yakin dengan prestasi dan kemampuan BN.

"Pada 1994 ramai yang menentang BN. Di sesetengah tempat kita tak boleh pergi langsung dan tak boleh pasang poster... buka bilik gerakan pun tak boleh.

"Tetapi sekarang kita nampak rakyat Sabah tukar pendirian. Mereka sedar prestasi BN dan saya yakin BN akan dapat kemenangan," katanya dalam sidang akhbar sebelum berlepas ke Labuan.

Sepanjang dua hari di Sabah, Perdana Menteri menghadiri beberapa majlis Pemimpin Bersama Rakyat untuk membantu kempen calon BN. Antara kawasan yang dilawatinya ialah Papar, Penampang, Tuaran dan Menggatal.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN turut menegaskan, tiada sebarang pakatan rahsia antara BN dengan PBS atau Bersekutu seperti tanggapan sesetengah pihak.

Menurutnya, beliau beberapa kali menegaskan BN tidak akan bekerjasama dengan kedua-dua parti itu dalam ucapannya sepanjang berada di Sabah kerana manifesto PBS dan Bersekutu membayangkan mahu bekerjasama pada peringkat Pusat.

Selain manifesto itu, ada dakwaan kononnya pembangkang akan diterima menyertai BN jika mereka memenangi pilihan raya atau membentuk kerajaan.

Perdana Menteri juga berkata, adalah penting bagi BN untuk mencapai kemenangan mutlak dan bukan majoriti tipis bagi membentuk kerajaan yang kukuh, sekali gus mengelakkan percubaan mengugut Pusat.

"BN percaya pentingnya mengadakan kerajaan yang kuat. Kalau kerajaan itu bergantung kepada satu dua undi kemungkinan orang itu akan ugut kerajaan.

"Kalau tak dapat kontrak umpamanya, dia ugut kata nak lompat kepada pembangkang dan kerajaan akan jatuh, manakala mereka terus jadi kerajaan menerusi kerjasama dengan pembangkang," katanya.

Bagaimanapun Dr Mahathir percaya kemenangan tipis BN seperti pilihan raya 1994 tidak akan berulang kerana rakyat kini yakin dengan kemampuan gabungan itu.

Pada 1994, PBS memenangi 25 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, manakala BN 25 kerusi. Selepas itu beberapa pemimpin kanan PBS keluar daripada parti dan menubuhkan parti baru untuk menyertai BN yang kemudian membentuk kerajaan.

Sebelum dibubarkan Selasa lalu, BN mempunyai 44 wakil di Dewan Undangan Negeri Sabah, manakala tiga PBS dan seorang Bebas.

Ditanya sama ada pilihan raya umum diadakan lebih awal jika keputusan di Sabah nanti memihak kepada BN, Perdana Menteri berkata:

"Kita buat pilihan raya apabila kita fikir ia baik untuk kita. Ini tidak bermakna jika prestasi kita baik di sini, kita juga akan tunjuk prestasi baik di sana (Semenanjung).

"Tetapi sekarang ada tanda-tanda baik. Parti pembangkang mula menghadapi masalah. Mereka hilang objektif. Pas misalnya kini sudah sedia untuk

bekerjasama dengan syaitan. Semua ini (masalah) yang sedang dihadapi oleh pembangkang. "

(END)